



IBU PEJABAT LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
JABATAN OPERASI CUKAI
MENARA HASIL, ARAS 12
PERSIARAN RIMBA PERMAI
CYBER 8,
63000 CYBERJAYA
SELANGOR

Telefon : 03-83138888

Faks : 03-83137853

: 03-83137854

: 03-83137855

Laman Web: <http://www.hasil.gov.my>

Ruj. Tuan : TC-DT/IRBM/Tax Agent Licensing

Ruj. Kami : LHDN.01/32.1/193/31

Tarikh : 31 Disember 2014

Presiden
Chartered Tax Institute Of Malaysia (CTIM)
Unit B-13-1, Block B, 13th Floor, Megan Avenue II
No. 12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 Kuala Lumpur.
(u.p. Encik Thong Vee Kean)

Tuan,

**SURAT KEBENARAN UNTUK PEGAWAI/PEKERJA EJEN CUKAI DI BAWAH
KELULUSAN SEKSYEN 153(3), AKTA CUKAI PENDAPATAN (ACP) 1967 YANG
BERURUSAN DENGAN PEGAWAI LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(LHDNM)**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagai maklum balas kepada e-mel tuan 10 Disember 2014 lanjutan daripada Mesyuarat Penguatkuasaan Ejen Cukai Berdaftar Dalam Urusan LHDNM di Kementerian Kewangan pada 2 Disember 2014, bersama ini dilampirkan format piawai surat kebenaran pegawai/pekerja yang dikeluarkan oleh ejen cukai yang diluluskan (ejen cukai berdaftar) di bawah seksyen 153(3), Akta Cukai Pendapatan 1967, untuk tindakan ahli-ahli persatuan tuan.

3. Sebagai mematuhi ketetapan di perenggan 2.3(iv) Minit Mesyuarat Penguatkuasaan Ejen Cukai Berdaftar Dalam Urusan LHDNM bertarikh 17 Disember 2014, syarikat/firma ejen cukai hendaklah mengeluarkan surat kebenaran (*authorisation letter*) kepada pegawai/pekerja syarikat/firma ejen cukai untuk dikemukakan sewaktu berurusan dengan pegawai-pegawai LHDNM.

4. Berkaitan perenggan 3.3 minit tersebut, di mana firma/syarikat ejen cukai berdaftar dikehendaki untuk menghantar senarai pegawai/pekerja yang diberi kuasa untuk menandatangani surat menyurat pelanggan dalam berurusan dengan LHDNM berserta *specimen signature*, firma/syarikat ejen cukai berdaftar dikehendaki mengemukakan surat tersebut sebelum 31 Januari 2014 ke alamat berikut:-


Pengarah
Bahagian Pengurusan Pelanggan
Jabatan Operasi Cukai
Pintu A Kiri Aras 14
Menara Hasil
Persiaran Rimba Permai
63000 Cyberjaya
Selangor.

5. Kesediaan Persatuan memberikan kerjasama untuk membuat hebahan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“BERSAMA MEMBANGUN NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



[MOHAMMED NOOR BIN AHMAD]

Timbalan Pengarah

Jabatan Operasi Cukai

b.p. Ketua Pegawai Eksekutif / Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga hasil Dalam Negeri Malaysia.

Pengarah Eksekutif,
Institut Akauntan Malaysia (MIA),
Dewan Akauntan No. 2,
Jalan Tun Sambanthan 3, Brickfields,
50470 Kuala Lumpur.

Pengarah Eksekutif,
Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA),
15, Jalan Medan Tuanku,
50300 Kuala Lumpur.

Presiden,
Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia (MATA),
Pejabat Sekretariat MATA,
27-1, Blok 1D, Jalan Wangsa Delima 12, Wangsa Link, Pusat Bandar Wangsa Maju,
53300 Kuala Lumpur.

Presiden,
Persatuan Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Syarikat (MAICSA),
No. 57, The Boulevard, Mid Valley City,
Lingkaran Syed Putra,
59200 Kuala Lumpur.

Presiden,
Persatuan Setiausaha Syarikat Malaysia (MACS),
No. 23A, 1st Floor,
Jalan SS 24/11, Taman Megah,
47301 Petaling Jaya, Selangor.

Presiden,
Institute of Cooperative and Management Accountants (ICMA)
No. 14M, Jalan Zirkon E7, Seksyen 7
40000 Shah Alam
Selangor

Bekas Pegawai Hasil
Unit 19A-23-5, Business Suite, OUA Centre
19 Jalan Pinang,
50450 Kuala Lumpur

Lampiran A

(Nama Syarikat/Firma Ejen Cukai)

(No. Daftar Syarikat/Firma)

(Alamat Syarikat/Firma)

Tarikh: _____

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Cawangan _____

(Alamat Cawangan)

Tuan/Puan

SURAT KEBENARAN

Saya dari syarikat/ firma ejen cukai seperti di atas, dengan ini memberikan kebenaran kepada pembawa surat ini bernama _____, nombor kad pengenalan _____ untuk berurusan dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) bagi pihak saya dengan tuan/puan berhubung kes _____ (nama pembayar cukai & nombor fail cukai).

2. Saya mengakui dan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kesan tindakan oleh pembawa surat ini adalah sama sekiranya tindakan tersebut dilakukan oleh saya.

Sekian, terima kasih.

(tandatangan)

Nama:

Nombor Kelulusan Ejen Cukai:

Cop rasmi Syarikat/Firma: